

Razaleigh tawar khidmat

# Kuatkan barisan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# sokong

# Dr. M

Oleh NORDIN MOHAMAD

KOTA BHARU, Jumaat — Tengku Razaleigh Hamzah hari ini sekali lagi menawarkan dirinya untuk terus berkhidmat kepada parti dan negara selagi hayatnya dikandung badan dan tenaga beliau dikehendaki.

Menteri Kewangan itu menegaskan, tenggelam timbulnya beliau akan tetap bersama-sama ahli UMNO dan rakyat Malaysia.

Beliau menyeru seluruh ahli UMNO khasnya di Kelantan menguatkan lagi barisan bagi mengukuhkan parti dan Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad.

"Kita mesti menyokong pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir supaya kita akan dapat menentukan kestabilan politik dan ekonomi tanahair kita ini," ujar Tengku Razaleigh.

Beliau yang juga Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan berucap di perhimpunan khas bagi menggalakan kepulangannya ke Kelantan, di kediamannya Palm Manor, di sini pagi ini.

## Terharu

Berpuluh ribu penyokong UMNO dan rakyat negeri dari seluruh pelusuk Negeri Kelantan mendengar ucapan 20 minit Tengku Razaleigh itu dengan penuh terharu dan ada di antaranya terutama wanita menitikkan air mata.

Mengenai ke-kalahannya dalam pemilihan jawatan Timbalan Presiden UMNO baru-baru ini, Tengku Razaleigh menegaskan, beliau menerima dan menghormati keputusan demokrasi itu.

"Itu sudah takdir Allah, tetapi saya tetap akan berjuang bersama-sama dengan saudara-saudari sehingga rakyat di Malaysia ini dapat dikikis dari kemiskinan

dan sehingga seluruh objektif Dasar Ekonomi Baru tercapai sepenuhnya," tegas beliau.

Tengku Razaleigh berkata, peristiwa 26 Jun itu (hari pemilihan pucuk pimpinan UMNO) telah memberikan banyak pengajaran kepada beliau untuk dinilai sekarang.

Peristiwa itu tambah beliau, merupakan pengajaran yang telah memberi keinsafan yang mempunyai hikmat paling berguna bagi kita semua.

Katanya, rakyat tidak perlu bimbang terhadap kedudukan beliau setelah tidak terpilih dalam pemilihan tempoh hari kerana masa depan beliau tidak penting, yang lebih penting ialah masa depan rakyat.

"Tidak menjadi persoalan di mana Tengku Razaleigh berada, tenggelam timbulnya Tengku Razaleigh adalah bersama-sama rakyat negara ini," ujarnya diikuti dengan tepukan gemuruh hadirin.

Sebagai orang politik, katanya, kalau hari ini beliau tenggelam, esok Insya Allah beliau akan timbul balik dengan kekuatan untuk memimpin rakyat.

Beliau mengingatkan ahli UMNO, khasnya di Kelantan berwaspada terhadap golongan-golongan yang cuba mencari kesempatan dengan menabur berbagai fitnah untuk memecah-belahkan mereka berikutan peristiwa 26 Jun itu.